

INDUSTRI PELANCONGAN ISLAM DAN PEMBANGUNAN ETNIK DI MALAYSIA

Rosmawati Mohamad Rasit¹ (Ph.D.), P.M. Salasiah Hanin Hamjah (Ph.D.), Prof. Siti Rugayah Tibek (Ph.D.), Muhamad Faisal Ashaari (Ph.D.), Muhammad Adib Samsudin (Ph.D.), Zulkefli Aini (Ph.D.) & Ahmad Irdha Mokhtar (Ph.D.).

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

¹emel: rosmawati@ukm.edu.my

Abstrak

Industri pelancongan turut menyumbang kepada pengukuhan ekonomi negara Malaysia sebagai nilai perkapita negara. Malah industri pelancongan menyumbang dalam mengembangkan pembangunan masyarakat setempat. Sambutan yang menggalakkan daripada pelancong-pelancong dari negara Islam masuk ke Malaysia turut berpotensi kepada masa depan industri pelancongan Islam yang lebih cerah. Malaysia yang terkenal dengan kewujudan masyarakat yang pelbagai etnik dan budaya bersandarkan majoritinya beragama Islam menjadikan faktor penting dalam mempromosi industri pelancongan Islam. Perbincangan makalah ini memfokuskan industri pelancongan Islam terhadap pembangunan etnik di Malaysia.

Kata kunci: Pelancongan Islam, etnik, ekonomi, budaya, agama Islam

PENGENALAN

Industri pelancongan menyumbang kepada nilai perkapita negara. Statistik pelancongan Malaysia menunjukkan 21.75 peratus daripada 25 juta pelancong asing yang melawat Malaysia pada tahun 2012 terdiri daripada pelancong Muslim (ITC 2012). Ini menunjukkan Malaysia mempunyai potensi yang baik ke arah mempromosi pelancongan Islam. Abdul Ghani (2013) menyatakan bahawa Malaysia merupakan destinasi utama pelancongan Islam yang mana kedatangan pelancong Muslim menunjukkan peningkatan. Malaysia merupakan antara negara yang kerap menjadi pilihan pelancong daripada pelbagai negara dunia. Industri pelancongan menyumbang kepada nilai perkapita negara. Merujuk kepada laporan ETP tahun 2012, ketibaan pelancong seramai 25.03 juta telah menyumbang sebanyak RM60.6 billion kepada Malaysia. Industri pelancongan berada pada kedudukan kukuh sebagai salah satu daripada tiga penyumbang terbesar perolehan pertukaran asing kepada ekonomi (Laporan ETP 2012).

Begitu juga dengan pelancong-pelancong daripada negara Islam. Berdasarkan statistik pelancongan Malaysia menunjukkan 21.75 peratus daripada 25 juta pelancong asing yang melawat Malaysia pada tahun 2012 terdiri daripada pelancong Muslim (ITC 2012). Ini menunjukkan negara Malaysia mempunyai potensi yang cukup besar ke arah mempromosi pelancongan Islam. Status Malaysia sebagai destinasi utama pelancongan Islam ini jelas diujahkan oleh Abdul Ghani (2013) yang menyatakan bahawa Malaysia merupakan destinasi utama pelancongan Islam yang mana kedatangan pelancong Muslim menunjukkan peningkatan ketara semenjak tahun 2000.

PELANCONGAN DALAM ISLAM

Allah SWT menciptakan alam ini adalah untuk kegunaan manusia. Manusia boleh meneroka, menyiasat dan membangunkan alam untuk faedah kehidupan manusia di dunia. Walaubagaimanapun penerokaan, penyiasatan dan pembangunan alam ini lebih bermakna jika ia dilakukan mengikut garis panduan yang ada dalam Islam. Islam mengungkapkan pengertian melancong mempunyai perspektif yang luas dan boleh diungkapkan pengertiannya dengan pelbagai istilah. Hasan et al. (2010) berpendapat bahawa beberapa kategori yang boleh disandarkan kepada pelancongan dalam Islam iaitu Musafir, Ziarah, Rehlah, Siyahah, serta Umrah dan Haji masing-masing merangkumi tujuan pelancongan seperti urusan perniagaan, menuntut ilmu, berdakwah, melihat kejadian alam, mendapat maklumat dan iktibar, kesihatan, rekreasi, silaturahmi dan berunding daripada ancaman serta perubahan sikap untuk mendapatkan keredhaan Allah. Asmak & Fatimah (2010) turut menjelaskan bahawa semua istilah yang dicatatkan ini terdapat di dalam Al-Quran yang merupakan gesaan dan galakan kepada umat Nya dan merupakan suatu ibadah di dalam Islam jika disertakan dengan niat yang betul.

Pada pandangan masyarakat awam, pelancongan ialah aktiviti makan angin (Zainab et al. 2008). Namun, menurut Andek Masnah (2010), pelancongan juga merupakan suatu ibadah jika dilakukan dengan niat yang luhur kerana Allah SWT. Terdapat banyak dalil al-Quran yang menceritakan tentang tuntutan dan galakan agar umat Islam melakukan perjalanan dan mengembara, antaranya ialah dalam surah al-An'am: 11 Allah berfirman:

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ ثُمَّ أَنْظِرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿١١﴾

Maksudnya: “Katakanlah (Wahai Muhammad): "Mengembaralah kamu di muka bumi, kemudian perhatikanlah Bagaimana akibat buruk (yang menimpa) orang-orang Yang mendustakan (Rasul-rasul) itu”. (al-An'am: 11)

Dalam Islam ada menggariskan beberapa panduan pelancongan hal ini dapat menjadi panduan pelancongan supaya apa yang kita lakukan mendapat pahala dan rahmat daripada Allah SWT. Asyraf et al. (2003) menggariskan beberapa panduan bagi mereka yang ingin keluar melancong.

- 1) Hendaklah diniatkan bermusafir dengan tujuan melaksanakan sesuatu hal yang baik semoga sentiasa diberkati,
- 2) Membuat persiapan perjalanan, seperti mengembalikan semua harta dan barang-barang yang di peroleh secara haram, di samping melangsaikan hutang piutang
- 3) sebaiknya pelancongan itu berteman, teman yang dipilih itu biarlah seseorang yang boleh menasihatinya dalam urusan-urusan agama
- 4) Sembahyang sunat musafir.
- 5) Sunat berdoa ketika keluar bermusafir, jika perjalanan itu menaiki kenderaan disunatkan berdoa, sekiranya perjalanan itu dalam kumpulan yang ramai, maka jangan sampai seseorang itu berjalan bersendirian hingga berjauhan dalam kumpulan ramai agar tidak tersesat

Menurut Andek Masnah (2010), niat atau matlamat industri pencongan hendaklah seiring dengan kehendak syarak dan nilai-nilai moral sejagat serta memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Seandainya penekanan lebih berat kepada pembangunan material sehingga mengabaikan unsur-unsur spiritual, sedikit sebanyak akan menjejaskan nilai-nilai murni, norma-

norma hidup, budaya, bangsa dan agama yang dipertahankan sebelum itu (Andek Masnah 2010). Sebagai pelancong juga, perlu untuk mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan dalam Al-Quran berkenaan alam sekitar (Nor Azmin t.th). Antaranya ialah :

1. Tegahan daripada berlaku zalim kepada makhluk ciptaan Allah SWT seperti membunuh dan menebang pokok tanpa alasan.
2. Menjaga kebersihan dan keindahan alam.
3. Menjaga adab muslim dengan alam sekitar yang telah dianjurkan oleh Islam seperti tidak qada' hajat di tempat air bertakung, di atas batu ataupun lubang-lubang yang tersembunyi.

Shakiri (2006) menyatakan bahawa pelancongan Islam tidak hanya terhad kepada pelancongan berbentuk motivasi agama semata-mata tetapi merangkumi semua bentuk pelancongan yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Nilai-nilai Islam yang dimaksudkan adalah tidak melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan agama Islam seperti zina, hiburan berlebihan, meninggalkan solat dan yang sewaktu dengannya. Henderson (2009) pula berpendapat bahawa ia merujuk kepada pelancongan yang meletakkan pertimbangan agama sebagai suatu kepentingan walaupun ia bukan motif perjalanan yang utama. Dalam pelancongan Islam, perkara yang perlu diutamakan adalah menghormati agama Islam bagi tujuan kelompok manusia yang beragama Islam tidak lalai dengan perkara-perkara yang semakin mengaburi hati manusia. Perkembangan dunia yang begitu pesat dengan segala penggunaan teknologi yang canggih tidak mampu dikawal oleh manusia. Namun, ianya memerlukan batasan dan kesedaran dalam diri sendiri untuk mengawal segala-galanya agar agama tetap menjadi pegangan utama dalam apa jua yang dilakukan.

HUBUNGAN PELANCONGAN ISLAM DAN PEMBANGUNAN ETNIK

Kumpulan perunding pelancongan Islam yang berpangkalan di Singapura meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mesra Islam terbaik dunia (Berita Harian 2014). Malaysia juga mengatasi negara-negara seperti United Kingdom, Perancis, Korea Selatan dan Jepun, yang menunjukkan peningkatan apabila melonjak lima anak tangga selepas menduduki tempat ke-24 untuk tempoh 2009 hingga 2013 (BERNAMA 2014). ITC (2012) menjelaskan bahawa pelancongan Islam merupakan satu segmen di dalam aliran industri pelancongan utama yang mempunyai ciri-ciri tambahan iaitu mengambil kira prinsip syariah sebagai panduan. Ia bermakna setiap aktiviti atau rancangan yang diadakan haruslah dijalankan bersesuaian untuk umat Islam atau erti kata lain berlandaskan syariah (ITC 2012).

Oleh itu, menurut Abdul Ghani (2013) pemasaran budaya melalui konsep pelancongan Islam harus digembleng oleh semua pihak. Pelancong Muslim bukan sahaja melaburkan duit mereka untuk berbelanja atau melihat keindahan alam semulajadi malahan mereka ingin berkongsi kepelbagaian budaya negara sama ada yang berbentuk monumen, pakaian, makanan, tarian atau kisah pengislaman yang panjang (Abdul Ghani 2013). Menurut Yahaya (2010), interaksi yang bertimbal balik antara pelancong dan komuniti dilihat mempunyai peranan yang kuat dalam membantu mengembangkan aktiviti pelancongan. Interaksi ini dapat diwujudkan melalui ikatan kasih dan saling menghormati di antara satu sama dengan yang lain serta saling mempercayai. Unsur-unsur seperti bias, semangat perkauman dan etnosentrik boleh dikikis melalui keunikan budaya sesebuah komuniti dan dapat diterima oleh para pelancong yang datang (Yahaya 2010).

Begitu juga Salasiah & Razaleigh (2010) berpendapat bahawa membudayakan nilai Islam dalam pelancongan adalah merupakan perkara penting yang harus ditekankan pada masa kini. Usaha ini diharapkan dapat memberikan imej sebenar masyarakat Islam yang penuh dengan nilai-nilai positif seperti berdisiplin, bersopan santun, ramah, prihatin, penyayang dan suka membantu. Justeru, wujud beberapa faktor seperti politik, kegiatan ekonomi, kebudayaan serta tempat-tempat menarik sebagai faktor penarik berkembangnya aktiviti pelancongan di Malaysia (Che Yusoff et al. 2010; Fadzli et al. 2010; Yahaya 2010). Galik & Jabil (2012) menyenaraikan sembilan elemen penting dalam industri pelancongan yang perlu ada untuk meningkatkan jumlah pelancongan iaitu kemudahan pengangkutan, kemesraan penduduk, kualiti dan kepelbagaian makanan, kemudahan penginapan, keselamatan, harga, budaya dan sumber sejarah, membeli-belah dan persekitaran.

Oleh itu, melalui perkembangan industri pelancongan yang pesat turut menyumbang kepada pembangunan etnik di Malaysia. Menurut Shamsul Amri (2012), Malaysia sememangnya terkenal dengan kewujudan kepelbagaian etnik. Malaysia mempunyai lebih daripada 70 kumpulan etnik dan sekiranya ditambah dengan kelompok yang mewakili subetnik, kumpulan bahasa dan dialek, jumlahnya melebihi 200 kumpulan (Shamsul Amri 2012). Shamsul Amri (2012) juga berpendapat dengan komposisi etnik, budaya dan bahasa yang begitu kompleks, Malaysia berjaya mengekalkan kerukunan dalam kehidupan bermasyarakat serta pencapaian pembangunan.

Ini bermakna kepelbagaian etnik yang wujud di Malaysia merangkumi masyarakat muslim dan *non-muslim* yang saling hidup berinteraksi dalam pelbagai bidang. Ini mewujudkan

konteks hubungan etnik yang lebih meluas demi perkembangan dakwah dan agama Islam itu sendiri. Menurut Muhamad Faisal (2009), antara pendekatan yang mendasari hubungan antara Muslim dan non-Muslim ialah melalui aspek toleransi sebagai menghormati hak antara kaum. Manakala Amilia et al. (2009) dalam membincangkan konsep toleransi dari aspek sosial menjelaskan bahawa Islam sangat bertoleransi terhadap kewujudan pelbagai agama di dunia untuk hidup yang harmoni. Begitu juga dengan Nurul Himmah dan Mahfuzah (2009) yang berpendapat bahawa penerimaan Islam terhadap budaya masyarakat lain memudahkan proses dakwah. Implikasi positif daripada sifat terbuka Tamadun Islam telah menyebabkan Islam mudah diterima dan difahami oleh seluruh bangsa manusia di dunia ini walaupun berlainan budaya dan geografi.

Justeru, dapat difahami bahawa elemen penduduk setempat turut menjadi faktor keberkesanan pelancongan. Begitu juga sumbangan daripada kepesatan industri pelancongan yang berkembang turut memberi sumbangan kepada perubahan sosial etnik setempat. Hasil kajian Rosazman & Fuad (2012) mendapati bahawa menunjukkan perkembangan yang pesat dalam sektor ekopelancongan di kampung Sukau telah meningkatkan pelbagai jenis peluang pekerjaan dalam kalangan penduduk tempatan. Ekopelancongan telah mengubah orientasi dan corak pekerjaan tradisi daripada nelayan dan petani dara diri kepada ciri petani moden dan mengutamakan komersial. Kajian Nurain & Choy (2013) pula menunjukkan peratusan impak ekonomi dan taraf hidup semakin meningkat dengan adanya pembangunan pelancongan di Daerah Manjung, Sebanyak 49.1 peratus, iaitu 28 orang responden yang bersetuju dengan pernyataan ini. Dengan adanya pembangunan pelancongan, ramai penduduk yang mengatakan bahawa taraf hidup mereka semakin meningkat. Hal ini dapat dibuktikan juga dengan kajian

Tuan Ibrahim (1995) mengenai Pulau Tioman yang mendapati bahawa industri pelancongan telah merubah keadaan penduduk dan banyak memberikan peluang-peluang pekerjaan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, Malaysia merupakan negara yang bersedia ke arah industri pelancongan Islam. Kedatangan ramai pelancong-pelancong Islam mahupun bukan Islam di negara ini memperlihatkan kesediaan mereka memilih Malaysia sebagai pusat destinasi percutian mereka. Perkembangan pesat industri pelancongan kini turut memberi kesan kepada pembangunan etnik masyarakat setempat. Malaysia sebagai negara majmuk yang mempunyai kepelbagaian etnik turut mendapat kesan hasil daripada industri pelancongan seperti meningkatkan taraf ekonomi mahupun perkembangan toleransi sosial yang lebih terbuka.

Islam merupakan agama yang menggalakkan toleransi. Aspek toleransi dalam kepelbagaian agama ini menunjukkan Islam meraikan hubungan antara etnik walaupun berbeza dari aspek budaya dan pemikiran. Firman Allah dalam Surah al-Hujurat ayat 13 menunjukkan antara dalil yang membahaskan tentang asas hubungan etnik;

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَقَكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Wahai manusia, Sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara

kamu di sisi Allah ialah orang yang paling taqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal”.

RUJUKAN

- Abdul Ghani Abu. 2013. Malaysia destinasi utama pelancongan Islam. *Dewan Budaya*, Mac hlm.10-15.
- Andek Masnah Andek Kelawa. 2010. Pembudayaan Nilai-Nilai Islam dalam Pelancongan. Dlm. Abd. Ghafar Don & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (pnyt.). *Islam dan Pelancongan: Isu dan Cabaran*, hlm. 1-19. Bangi: Jabatan Pengajian dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Amilia Razak, Muhammad Azizan Sabjan & Noor Shakirah Mat Akhir. 2011. Dakwah asas hubungan Muslim dan non-Muslim. Dlm. Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Salasiah Hanin Hamjah, Abd. Ghafar Don & Othman Hj. Talib. (pnyt.). *Dakwah Multi Etnik*, hlm. 42-64. Bangi : Jabatan Pengajian dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Asmak, A., & Fatimah, S. 2010. Pelancongan dari perspektif Islam. *Prosiding Seminar Pengurusan Perhotelan & Pelancongan Islam 2010*. Anjuran Universiti Teknologi Mara Shah Alam.
- Asyraf Hj Abd Rahman, Wan Ibrahim Wan Ahmad dan Fadzli Adam. 2003. Islam dan Pelancongan dari perspektif Al-Quran. *Prosiding Seminar Kebangsaan Islam dan Pelancongan 2003*, Anjuran JPDK Fakulti Pengajian Islam.
- BERNAMA. 2014. 18 Jun.
- Che Yusoff Che Mamat, Ahmad Redzuwan Mohd Yunis, Anuar Puteh & Sazelin Arif. 2010. Pembudayaan Nilai-Nilai Islam dalam Pelancongan. Dlm. Abd. Ghafar Don & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (pnyt.). *Islam dan Pelancongan: Isu dan Cabaran*, hlm. 345-367. Bangi: Jabatan Pengajian dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Fadzli Adam, Asyraf Ab. Rahman & Wan Ibrahim Wan Ahmad. 2010. Islam dan Pembangunan Pelancongan Mapan: Satu Tinjauan Konseptual. Dlm. Abd. Ghafar Don & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (pnyt.). *Islam dan Pelancongan: Isu dan Cabaran*, hlm. 93-101. Bangi: Jabatan Pengajian dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Hassan Bahrom, Mohammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob. 2010. Pelancongan Dari Perspektif Islam Analisis Pendekatan Fiqh. *Prosiding Hospitaliti & Pelancongan Dalam Islam*. Anjuran Universiti Teknologi Mara Shah Alam.
- Henderson, J. C. 2009. Islamic tourism reviewed. *Tourism Recreation Research*, 34 (2), 207– 211.
- ITC. 2012. Broshur Pusat Pelancongan Islam. Kementerian Pelancongan Malaysia.
- Laporan ETP. 2012. Program Transformasi Ekonomi. Kementerian Kewangan Malaysia.
- Galik & Jabil. 2012. Faktor yang mempengaruhi kunjungan ulangan pelancong antarabangsa: suatu ulasan. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 9 issue 3, 1-11.
- Muhamad Faisal Ashaari. 2011. Dakwah asas hubungan Muslim dan non-Muslim. Dlm. Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Salasiah Hanin Hamjah, Abd. Ghafar Don & Othman Hj. Talib. (pnyt.). *Dakwah Multi Etnik*, hlm. 219-226. Bangi : Jabatan Pengajian dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Nor Azmin Mohamed Salleh. Konsep Hospitaliti dalam Islam. T.th. Dlm. Suzianah Sahar, Yusni Mohamad Yusak dan Yusma Yusof. (pnyt). *Hospitaliti dan Pelancongan dalam Islam*. Putrajaya: Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi.

- Nurain Sahazali & Choy, Er Ah. 2013. Ekopelancongan di Taman Paya Bakau, Seri Manjung, Perak: persepsi penduduk terhadap impak. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 9 issue 3, 69-79.
- Nurul Himmah Kassan & Mahfuzah Mohd Zabidi. 2011. Asimilasi, integrasi dan interaksi sebagai medium dakwah dalam sejarah masyarakat Plural. Dlm. Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Salasiah Hanin Hamjah, Abd. Ghafar Don & Othman Hj. Talib. (pnyt.). *Dakwah Multi Etnik*, hlm. 392-401. Bangi : Jabatan Pengajian dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Rosazman & Ahmad Puad. 2012. *Pelancongan di Malaysia isu-isu Penyelidikan terpilih*: Kedah: Universiti Utara Malaysia Press.
- Salasiah Hanin Hamjah & Razaleigh Muhamat@Kawangit. 2010. Pembudayaan Nilai-Nilai Islam dalam Pelancongan. Dlm. Abd. Ghafar Don & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (pnyt.). *Islam dan Pelancongan: Isu dan Cabaran*, hlm. 103-122. Bangi: Jabatan Pengajian dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Shakiri, A. S. 2006. Islamic tourism, for whom? *Islamic Tourism Magazine*. Diakses dari www.islamictourism.com (2 November 2014)
- Shamsul Amri Baharuddin. 2012. *Modul Hubungan Etnik*. Ed. Ke-2. Bangi: Institut Kajian Etnik UKM.
- Tuan Ibrahim Tuan Man. 1995. Implikasi Pelancongan ke Atas Umat Islam satu kajian di Pulau Tioman Pahang. Tesis Sarjana Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yahaya Ibrahim. 2010. Pembangunan pelancongan dan impaknya ke atas budaya komuniti Muslim tempatan: Perbandingan kes di Pulau Redang dan Pulau Tioman. Dlm. Abd. Ghafar Don & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (pnyt.). *Islam dan Pelancongan: Isu dan Cabaran*, hlm. 297-327. Bangi: Jabatan Pengajian dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Zainab Ismail, Zulkiple Abdul Ghani, Badlisham Mohd, Ideris Endot, & Abdul Wahab Latif. 2008. Pelancongan dan Komitmen Agama Masyarakat Muslim di Pulau Perhentian Terengganu. *prosiding seminar kebangsaan Islam dan Pelancongan 2003*, hlm. 19-32.